

# ANALISIS Berita

## LPT: Kerajaan Pusat masih sayangkan rakyat Terengganu

UM 29 DEC 1999

Oleh RADHUAN HUSSEIN

SIAPA yang tak mahu kemudahan dan kesenangan. Siapa pula yang mahu sentiasa berada dalam ketinggian, terkebelakang dalam banyak perkara, sedangkan orang lain mengorak langkah maju ke depan.

Begitu jugalah dengan rakyat Terengganu. Suatu waktu dulu, rakyat negeri itu sering dilihat berasal dari keluarga nelayan, malah sering menjadi bahan usikan ramai bahawa mereka sentiasa ketinggalan zaman.

Sehinggalah khazanah bumi yang paling bernilai berupa petroleum ditemui. Sebahagian daripada lebih sejuta rakyat negeri Terengganu sudah pasti amat berbangga kerana dikalungkan dengan gelaran Kuwait Malaysia.

Tetapi sebahagiannya pula tidak terkecuali berterusan menjadi mangsa tanggapan penduduk se-Malaysia lain bahawa sungguhpun bumi Darul Iman ini kaya dengan minyak namun masih banyak rakyatnya yang hidup melarat dalam kemiskinan.

Hakikat nasib dhaif Terengganu sebenarnya bukan saja diamati oleh penduduk luar negeri pantai timur ini namun rakyat negeri itu sendiri mengakui masalah itu wujud melibatkan semua peringkat lapisan masyarakat sehinggalah ke pemimpin masyarakat.

an pewujudan sistem pengangkutan yang sudah semestinya akan melonjakkan taraf rakyat Terengganu, berterusan berlaku dan rakyat seolah-olah menjadi penonton gelanggang badminton.

Kerajaan Pas Terengganu pimpinan Abdul Hadi Awang selaku Menteri Besar itu, beberapa selepas kemenangan parti berkenaan membuat pengumuman menghapuskan bnyaran tol di Jambatan Sultan Mahmud sebagai memenuhi antara janji di dalam manifestonya.

Penduduk Terengganu mula membuka mata. Apa yang mereka nampak, beban harian membayar tol di jambatan berkenaan tidak lagi menekan mereka.

Malangnya, susulan dari itu Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu mula bangkit bagi pihak Kerajaan Pusat mengumumkan projek LPT sepertimana yang dijanji dibina di Terengganu akan dibatalkan jika kerajaan negeri itu mengtepekikan bayaran tol.

Rakyat Terengganu sekali lagi kembali murung sehingga pelbagai lapisan masyarakat negeri itu melahirkan kekecewaan akibat pembatalan tersebut.

Mereka beranggapan, walau apa sekalipun, biarlah janji kali ini (LPT) akan menjadi kenyataan dengan yang

Pendek kata negeri Darul Iman ini tidak lagi mampu melihat keghairahan pembangunan pesat wujud tempat lain. Terengganu tidak lagi cuma sekadar iri hati dengan pencapaian gemilang negeri lain.

Pernah satu ketika dulu rakyat dilamun impian untuk menikmati kemudahan sistem pengangkutan canggih seumpama 'bullet train' atau kereta api laju.

Begitu juga dengan janji untuk mengadakan perkhidmatan kereta api setelah mengambil kira kemasyhuran-nya menjadi salah sebuah negeri perintis dalam sistem pengangkutan itu hasil kegiatan perlombongan bijih besi di Bukit Besi, Dungun.

Namun semua itu, hanya tinggal impian lalu pupus ditelan zaman sehinggalah ke detik ini.

Kini, penduduk di negeri yang kaya dengan hasil bumi itu (petroleum dan emas) mula membayangkan satu lagi janji yang tidak diketahui bagaimana penamatnya.

Dengan jaminan kerajaan untuk membina jalur kemudahan itu sudah tentu perasaan dan harapan rakyat Terengganu keseluruhannya mula menanti penuh kegembiraan.

Pembinaan projek LPT itu akan menelan belanja lebih RM2 bilion sejauh kira-kira 165 kilometer bermula dari Karak, Pahang berakhir di Chendering, Terengganu.

Bagaimanapun, rakyat Terengganu yang sememangnya menjangka projek prasarana awam itu akan menghadapi gelombang sebelum terlaksana, tersentak dengan pengumuman Kerajaan Pusat pada akhir Januari lalu bahawa kemungkinan semua lebuhraya baru akan ditangguhkan pembinaannya.

Penangguhan itu dibuat sehingga rakyat negara ini benar-benar bersedia untuk menggunakan jalan raya berkualiti dengan membayar tol.

Polemik mengenai kesahih-

utama kedua-dua belah pihak mesti mengambil kira kepentingan dan keperluan rakyat bagi menikmati kemudahan itu.

Selang beberapa ketika, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Negeri, Yahaya Ah, bagi pihak Kerajaan Pas Terengganu memberi jaminan untuk bersetuju bersama-sama merealisasikan projek LPT secara bertol.

Kerana bagi beliau, dasar kerajaan negeri itu menghapuskannya bayaran tol di Jambatan Sultan Mahmud kerana pengendaliannya di bawah kuasa kerajaan negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pula kemudian memberi jaminan bahawa Kerajaan Pusat bersetuju meneruskan projek LPT di Terengganu berkadar bayaran tol rendah dengan syarat Kerajaan Terengganu kena memberikan subsidi kepada syarikat pema-ju projek berkenaan.

Di sebalik permainan tarik sorong tali antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pas Terengganu mengenai perkara ini, sebenarnya tersembunyi hikmah yang akan menggembarakan rakyat Terengganu.

Walaupun masih ramai agak bimbang malah meragui impian ini menjadi realiti, namun tidak keterlaluan dikatakan, kebanyakan rakyat negeri itu mula membayangkan Kerajaan Pusat khususnya, tidak sanggup membuatkan rakyat Terengganu akan terus tertanti-nanti dan dipermainkan.

Sungguhpun ada yang berpendapat, agak sukar Kerajaan Pusat dan Kerajaan Pas Terengganu untuk menjalin kerjasama termasuk menyediakan kemudahan LPT di negeri berkenaan, namun pelaksanaannya nanti jelas menggambarkan Kerajaan Pusat masih sayangkan rakyat Terengganu. Terima Kasih!